

Projek bersepadu untuk bumiputera

um-19/12/2006

PULAU PINANG 18 Dis. - Masyarakat Melayu di Pulau Pinang yang sebelum ini mendakwa tidak mendapat pembelaan sewajarnya daripada kerajaan negeri, kini sedikit sebanyak boleh menarik nafas lega.

Ini kerana kerajaan memutuskan untuk melaksanakan projek bersepadu bagi meningkatkan penyertaan bumiputera terutama dalam sektor hartanah.

Keputusan kerajaan membangunkan tiga bidang tanah di Teluk Kumbar, Pengkalan Weld dan Gelugor yang dibeli daripada pihak swasta, merupakan inisiatif baru memperlihatkan kesungguhan mengimbangi sosio ekonomi penduduk Melayu di Pulau Pinang.

Bagi menggalakkan pemilikan hartanah di kalangan orang Melayu, kerajaan turut me-

timbang mekanisme pembayaran yang akan dilaksanakan dengan pembelian hartanah itu boleh dibuat secara fleksibel dan mudah sehingga ke beberapa generasi.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, kerajaan menerusi Pelaburan Hartanah Bumiputera Bhd. (PHBB), syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan, memperuntukkan RM116.5 juta bagi membeli tiga bidang tanah swasta bagi tujuan pembangunan semula untuk bumiputera.

"Ketiga-tiga bidang tanah itu akan dimajukan oleh PHBB bagi tujuan pembangunan hartanah mampu milik dan dijual kepada bumiputera dengan harga berpatutan sekali gus memperbaiki taraf kehidupan yang selama ini amat jauh ketinggalan dengan kaum

lain di Pulau Pinang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan perjanjian jual beli tiga bidang tanah PHBB dengan Island Peninsular Development Bhd. dan Tenaga Nasional Bhd. (TNB).

Pada majlis itu, PHBB diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Kamarul Ariffin Othman manakala Island Peninsular Development diwakili Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Jamaludin Osman dan TNB oleh Naib Presiden (Penjanaan), Datuk Abdul Razak Majid.

Perjanjian jual beli itu melibatkan tanah pegangan bebas berkeluasan 44.48 hektar di Teluk Kumbar yang dimiliki Island Peninsular Development dan tanah milik TNB seluas 2.436 hektar di Gelugor dan 22,908 meter

persegi di Pengkalan Weld.

Menurut Nor Mohamed, Pulau Pinang menjadi destinasi pertama PHBB bagi tujuan pelaburan hartanah bagi mengimbangi penyertaan bumiputera dalam sektor itu.

Katanya, projek pembangunan hartanah itu dirancang menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sebagaimana yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum ini.

Di bawah rancangan itu, PHBB yang dilantik sebagai pengurus untuk merealisasikan projek hartanah bumiputera akan mencari kawasan sesuai bagi tujuan pembangunan hartanah dan penglibatan orang Melayu dalam bidang sosio ekonomi berskala kecil dan sederhana.

Nor Mohamed menjelaskan, projek perta-

ma PHBB di Pulau Pinang akan bermula selepas suku pertama tahun depan dengan anggaran 2,000 unit pertama rumah yang akan dibangunkan.

Beliau berkata, kerajaan mensasarkan projek perumahan yang melibatkan beberapa fasa akan dapat disiapkan dalam RMK-9, bergantung kepada masa dan perancangan pihak kontraktor.

Selain itu katanya, kerajaan akan memberi tumpuan kepada penglibatan syarikat bumiputera khususnya dari Pulau Pinang untuk turut serta bagi menjayakan projek perumahan itu.

Ditanya mengenai harga rumah yang akan dibangunkan itu, Nor Mohamed memberitahu, ia dalam lingkungan RM40,000 hingga RM60,000 dan lebih RM100,000.